

Tudung bawal tiruan dirampas

KPDNHEP
Kedah rampas
1,631 unit
tudung bawal
tiruan bernilai
RM24,465

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

ALOR SETAR

Sebanyak 1,631 unit tudung bawal tiruan bernilai RM24,465 dirampas di sebuah premis pemborong tudung di Jalan Langgar, Alor Setar dalam Ops Barang Tiruan semalam.

Operasi dilakukan selepas menerima aduan pe-

milik asal tudung berkenaan yang juga mempunyai cap dagang tudung itu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kedah, Omar Ismail berkata, tudung tiruan itu dijual pada harga serendah RM10 sehingga RM15 sehelai.

"Seorang pekerja wanita di kedai tersebut yang berumur 28 tahun ditahan untuk siasatan.

"Dipercuryai tudung yang diciplak daripada jenama terkenal itu juga sudah mula dijual di beberapa kedai lain," katanya pada sidang media di sini semalam.

Difahamkan, tudung bawal tulen dijual pada harga bermula RM57



Omar (tengah) menunjukkan antara tudung bawal tiruan yang dirampas di sebuah premis pemborong tudung di Jalan Langgar, Alor Setar semalam.

sehingga mencecah puluhan ribu ringgit sehelai.

Omar berkata, rampasan tudung itu adalah kali pertama di negeri ini dan

akan disiasat di bawah Seksyen 8(2)(c)APD 2011.

"Risikan awal pengedar tudung tiruan itu sudah pun beroperasi sekian lama dan mereka bertukar-tukar

menjual tudung tiruan jenama terkenal mengikut permintaan pasaran.

"Tudung tiruan yang dirampas ini dipercuryai sudah mula dijual sejak dua

Tudung tiruan yang dirampas ini dipercuryai sudah mula dijual sejak dua minggu lalu."

- Omar

minggu lalu," katanya.

Beliau mengingatkan pengguna supaya tidak membeli atau menggunakan barang tiruan kerana menjaskan perniagaan pemilik sebenar tudung, selain kualitinya yang rendah.

Omar turut meminta kerjasama orang awam bagi membanteras kegiatan penjualan barang disyaki palsu atau menggunakan perihal dagangan palsu.

HARI : RABU
TARIKH : 11/9/2019
MASURAT : 33